

PERBARISAN BULANAN KOMANDER PANGKALAN UDARA BUTTERWORTH

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3075-perbarisan-bulanan-komander-pangkalan-udara-butterworth-3

BUTTERWORTH, 22 Feb 18 - Perbarisan Bulanan Komander Pangkalan Udara Butterworth telah diadakan di perkarangan ASF Hangar Pangkalan Udara Butterworth. Seramai 129 orang pegawai dan anggota terlibat dalam perbarisan tersebut yang diketuai oleh Mej Mohd Riduan bin Abdullah TUDM. Dalam perbarisan ini telah berlangsung upacara pemakaian pangkat anggota Lain-lain Pangkat (LLP), penyampaian Sijil Penghargaan dan Penyampaian Sijil Khidmat Terpuji. Seramai 11 orang anggota telah dinaikkan ke pangkat masing-masing manakala penerima Sijil Penghargaan seramai 6 orang dan Sijil Khidmat Terpuji seramai 4 orang daripada No 15 Skn. Upacara tersebut telah disempurnakan oleh Pemangku Komander Pangkalan, YBhg Kol Amer Mahmud bin Abdul Rahman TUDM.

